



Rujukan Kami: PKP(8.00)96.3-7 JD.3( 20 )

Tarikh: 5 Ogos 2008

***Semua Ketua Jabatan Persekutuan,  
SARAWAK***

Tuan,

**SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN MALAYSIA SARAWAK  
BILANGAN 3 TAHUN 2008**

*-Kelulusan Khas Bagi Penyewaan Ruang Pejabat di Bangunan Persendirian  
Tanpa Perjanjian Pajakan Kecil (Memorandum of Sublease)*

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Perkara 9, Pekeliling Pesuruhjaya Tanah Persekutuan Bil. 2/2008 (Penggunaan Perjanjian Seragam Pajakan Kecil (Sublease) Tanah Untuk Kegunaan Kerajaan Persekutuan Dan Peraturan-Peraturan Yang Perlu Dipatuhi Oleh Kementerian Dan Jabatan Persekutuan Di Negeri Sarawak) menyatakan seperti berikut:

*“Kementerian dan Jabatan Persekutuan tidak digalakkan memasuki dan menduduki tanah sebelum perjanjian kecil ditandatangani oleh Pesuruhjaya Tanah Persekutuan. Pesuruhjaya Tanah Persekutuan tidak bertanggungjawab di atas kemasukan awal oleh Kementerian dan Jabatan Persekutuan tanpa perjanjian ditandatangani terlebih dahulu”*

3. Perkara tersebut adalah selaras dengan amalan di tempat-tempat lain di mana agensi-agensi kerajaan tidak diberi kebenaran khas untuk membayar sewa ruang pejabat tanpa mengadakan perjanjian tetapi diminta untuk menyempurnakan perjanjian yang dikehendaki dengan segera bagi mengelakkan sebarang masalah.

4. Mengambil kira perkara di perenggan 2 dan 3 di atas, Perbendaharaan Malaysia Sarawak (PMS) tidak akan memberikan lagi kelulusan khas untuk membuat bayaran sewa ruang pejabat bagi tempoh 6 bulan pertama tanpa menandatangani *Memorandum of Sublease* seperti yang diamalkan sekarang.

5. Keputusan di perenggan 4 di atas berkuatkuasa mulai tarikh surat pekeliling ini dikeluarkan. Setiap agensi yang bercadang untuk menyewa ruang pejabat hendaklah menandatangani perjanjian terlebih dahulu sebelum sebarang pembayaran sewa dapat dibuat.

6. PMS tidak akan mempertimbangkan sebarang permohonan baru bagi kelulusan khas untuk pembayaran sewa ruang pejabat tanpa *MOS*. Sekiranya peraturan ini tidak dipatuhi maka pegawai yang bertanggungjawab boleh dikenakan tindakan surcaj.

Sekian, terima kasih.

**“Sentiasa Mesra, Teliti dan Cepat”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,



**(MAT OMAR BIN JOHARI)**

Pegawai Kewangan Persekutuan Sarawak  
Perbendaharaan Malaysia Sarawak

- s.k.
1. Setiausaha Persekutuan Sarawak,  
Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak,  
Tingkat 17, Bangunan Sultan Iskandar,  
Jalan Simpang Tiga,  
**93300 KUCHING.**
  
  2. Pengarah  
Jabatan ketua pengarah Tanah Dan Galian  
Cawangan Sarawak  
Aras 1, Sub lot 1, Samajaya Commercial Centre  
Jalan Setia jaya, Tabuan Jaya  
**93350 KUCHING.**
  
  3. Pengarah Cawangan,  
Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Sarawak,  
Tingkat 6, Bangunan Tun Datuk Patinggi  
Tuanku Haji Bujang,  
Jalan Simpang Tiga,  
**93594 KUCHING.**
  
  4. Pengarah,  
Jabatan Akauntan Negara Cawangan Sri Aman,  
Tingkat 1, Wisma Persekutuan,  
Fasa II, Jalan Kejatau,  
**95000 SRI AMAN.**
  
  5. Pengarah,  
Jabatan Akauntan Negara Cawangan Sibul,  
Tingkat 1, Kompleks Persekutuan,  
Jalan Awang Ramli Amit,  
**96000 SIBU.**
  
  6. Pengarah,  
Jabatan Akauntan Negara Cawangan Miri,  
Tingkat Bawah, Blok A, Wisma Persekutuan,  
Fasa II, Jalan Cahaya Lopeng,  
**98000 MIRI.**

7. Pengarah,  
Jabatan Akauntan Negara Cawangan Limbang,  
Tingkat 2, Blok A, Kompleks Pejabat-Pejabat Persekutuan,  
**98700 LIMBANG.**
  
8. Pengarah  
Jabatan Akauntan Negara Cawangan Sarikei,  
Tingkat Bawah, Blok 11, Wisma Persekutuan,  
Jalan Bangunan Kerajaan,  
**96100 SARIKEI.**
  
9. Pengarah,  
Jabatan Akauntan Negara Cawangan Kapit,  
Tingkat Bawah & 1, Kompleks Persekutuan Kapit,  
**96800 KAPIT.**
  
10. Pengarah,  
Jabatan Akauntan Negara Cawangan Bintulu,  
No. 1, Tingkat 2, Bangunan BDA,  
Jalan Tanjung Kidurong,  
**97000 BINTULU.**
  
11. Pengarah,  
Jabatan Audit Negeri Sarawak,  
Tingkat 4, Bangunan Sultan Iskandar,  
Jalan Simpang Tiga,  
**93350 KUCHING.**